

# Malaysia, AS tidak bermusuhan

BH -  
17/2/2009

**J**AKARTA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pendirian Kerajaan Malaysia yang sering dilihat bertentangan dengan Amerika Syarikat (AS) tidak bermakna ia bermusuhan dengan negara kuasa besar itu.

Perdana Menteri berkata, Malaysia hanya ingin menegaskan bahawa AS tidak boleh memaksa negara lain melaksanakan kepentingannya dengan cara campur tangan dalam urusan negara lain, apatah lagi melakukan serangan ke atas negara lain dengan alasan demokrasi dan kebebasan.

Abdullah berkata, asas pendirian Malaysia ialah negara mana pun mesti menghormati kedaulatan negara lain.

Beliau berkata, apa pun alasannya, siapa melakukannya, Malaysia akan mengkritik dan mengancam habis-habisan campur tangan negara asing dalam urusan negara lain, apatah lagi serangan dilakukan AS terhadap Iraq.

"Pendirian kami sama juga ketika Iraq melakukan serangan terhadap Kuwait," katanya pada pertemuan bersama ketua pengarang 13 media massa Indonesia di Kuala Lumpur kelmarin, seperti dilaporkan akhbar *Kompas*, semalam.

Abdullah berkata demikian ketika menjawab soalan mengenai mengapa Malaysia sering mengambil sikap bertentangan dengan AS.

Menurut *Kompas*, perbezaan pendirian bukan hanya dilihat dalam bidang politik luar negara, malah dalam bidang ekonomi.

Akhbar terkemuka Indonesia itu menyebut contoh percubaan AS membuka kawasan perdagangan bebas (FTA) dengan Malaysia pada 2006 yang akhirnya terkandas kerana Malaysia menolak permintaan AS untuk meliberalisasikan beberapa sektor ekonomi.

Ia melaporkan bahawa Malaysia menolak untuk membuka pintu untuk pelaburan AS dalam perusahaan yang masih ingin dilindungi Malaysia.

"Kami menjaga hubungan baik dengan siapa saja. Bahkan, Malaysia termasuk 10 negara rakan perdagangan besar AS. Tetapi, apabila menyentuh kepentingan nasional dan prinsip dasar politik luar negara, sikap kami jelas," kata Abdullah. - Bernama